

# Hulurkan bantuan untuk rakyat Palestin

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Perasmian Program tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awangku Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Beliawanis Kumpulan Syababul Iman, Dayang Nur Izzawanie binti Zainin.

Acara turut memuatkan sesi perkongsian oleh Wakil UNRWA iaitu Pakar Perubangan Rakan UNRWA bagi Tenggara Asia, Dayang Hartini binti Zainudin dan

Mahasiswa dari Negara Palestin yang menuntut di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Ahmed Alhaj Ahmed.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga menerima sumbangan untuk disalurkan ke Tabung Kemanusiaan dan Bantuan Dana Bagi Pelarian Palestin daripada beberapa buah agensi dan syarikat-syarikat swasta.

Program Brunei Peduli Palestin diserikan lagi dengan beberapa persembahan daripada kumpulan nasyid gabungan Mahasiswa Tahun 1 UNISSA dan 'Choral Speaking' oleh kumpulan Qaisaratuazzahra.

Pada sesi sebelah petang, program diisikan dengan ceramah bertajuk 'Brunei Peduli Palestin' yang disampaikan oleh Awang Md. Yusof bin Haji Abd. Majid dan juga forum bertajuk 'Sabar dan Istiqomah: Belajar dari Muslimah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Karnival Brunei Peduli Palestin di Time Square Berakas.

Palestin' yang dibincangkan oleh dua orang ahli panel, iaitu Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dan Dr. Widawati binti Haji Abdul Aziz.

Manakala pada sebelah malam pula, program diisikan dengan sesi Perkongsian daripada Ahli Jawatankuasa Media Kami Prihatin (WeCare), Awang Mohammad Dhiyaulhaziq Bin Haji Nordin.

Berbagai aktiviti juga disediakan oleh orang ramai sepanjang program berlangsung seperti pameran interaktif 'Palestine Tunnel' yang seolah-olah berada di Gaza di mana para pengunjung melalui satu terowong, mengikut garis masa,

diiringi dengan kesan bunyi (*sound effect*) dan gambar-gambar agar para pengunjung benar-benar dapat merasa apa yang dilalui di Gaza.

Booth Penulisan Khat dan Face Painting untuk kanak-kanak akan dibukakan bagi individu yang berminat dan bayaran penulisan khat dan Face Painting tersebut akan disalurkan ke Tabung Kemanusiaan dan Bantuan Dana Bagi Pelarian Palestin.

Manakala barangan *merchandise* Palestin seperti *badge* akan dijual dan bayerannya juga disalurkan ke Tabung Kemanusiaan dan Bantuan Dana Bagi Pelarian Palestin.

Objektif program tersebut antara lain untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang nasib rakyat Palestin dan sebagai salah satu sarana bagi memungut dana dari orang ramai bagi membolehkan pihak UNRWA memberikan bantuan kepada para pelarian Palestin berdaftar

yang tersebar di lima kawasan, iaitu Gaza, Tobing Barat (termasuk Jerusalem), Jordan, Syria dan Lebanon.

Program turut disokong oleh Times Square, Syarikat D'Sunlit Sdn. Bhd., Syarikat Samima Sdn. Bhd., dan Syarikat MK Fashion Sports House and Embroidery.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Ketua-ketua Jabatan; Ketua-ketua Bahagian; pegawai-pegawai dan kakitangan dari KHEU dan orang ramai.



PARA pengunjung semasa menyaksikan dan mendengarkan penerangan mengenai pameran tersebut.

# Berbagi rezeki bersama anak yatim



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada 14 anak yatim dari Kampung Salambigar.

SALAMBIGAR, Sabtu, 1 Jun. - Ramadan bakal tiba ke penghujungnya kurang seminggu sahaja lagi akan tetapi aktiviti keagamaan giat dilaksanakan dalam merebut pahala yang sangat besar di bulan ibadah dan penuh berkah ini.

Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Salambigar juga antara yang sama-sama merebut peluang memanfaatkan bulan suci

Ramadan dengan Majlis Khatam Al-Quran setelah aktiviti Tadarus Al-Quran diadakan sepanjang malam di masjid berkenaan.

Hadir menyerikan lagi majlis tersebut di sini ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan acara yang diadakan sejour menunaikan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham (tengah) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Salambigar yang diadakan sejour menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir.

Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir.

Bagi sama-sama mengulalukan kedatangan Aidilfitri yang hanya tinggal beberapa hari saja lagi, majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 14 anak yatim dari Kampung Salambigar.

Acara juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil pelantikan kepada seramai kira-kira 64 ahli bagi tahun 2019 / 2021, iaitu AJK Takmir masjid termasuk AJK Kewangan, Aktiviti (JASA), Bangunan Tambahan bagi masjid

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

tersebut.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maun juga menerima sijil pelantikan selaku Penasihat AJK Takmir masjid berkenaan.

Bagi membertakuti majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Masrol Azmi bin Abdullah.

Acara yang penuh berkebakikan

ini merupakan aktiviti tahunan masjid berkenaan dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan, di samping mempraktikkan jemaah untuk sentiasa mengamalkan pembacaan kitab suci Allah, selain sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan, terutama dalam berbagi rezeki dalam meraikan Aidilfitri nanti.